



26 Ogos 2011
26 August 2011
P.U. (A) 305

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
DAN PEMBERSIHAN AWAM (PELESENAN)
(PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH) 2011

*SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(LICENSING) (UNDERTAKING OR PROVISION OF
TRANSPORTATION SERVICES BY LONG HAULAGE)
REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(PELESENAN) (PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH) 2011**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi lesen
4. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
5. Tempoh lesen
6. Fi pemprosesan
7. Fi lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Fi bagi salinan atau cabutan daripada catatan dalam daftar lesen
10. Rekod pengangkutan sisa pepejal terkawal

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PELESENAN) (PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan oleh Pengangkutan Jauh) 2011.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kemudahan pengolahan dan pelupusan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011 [P.U. (A) 302/2011];

“pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan” erti mana-mana orang yang memegang lesen di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011 [P.U. (A) 304/2011] untuk menguruskan atau mengendalikan kemudahan pengolahan dan pelupusan;

“perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh” erti perkhidmatan yang mana sisa pepejal terkawal dimuatkan ke dalam kenderaan angkut jauh berkapasiti besar, baj atau pengangkutan rel bagi penghantaran laluan darat atau air dari stesen pemindahan ke mana-mana kemudahan pengolahan dan pelupusan yang dikehendaki dalam lesen;

“stesen pemindahan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan dan Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan dan Penutupan Kemudahan) 2011.

Permohonan bagi lesen

3. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis bagi suatu lesen kepada Perbadanan dalam bentuk yang disediakan oleh Ketua Pengarah yang hendaklah mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dan hendaklah disertakan dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam peraturan 6.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum ia diberikan atau enggan diberikan oleh Ketua Pengarah.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

4. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi suatu lesen di bawah peraturan 3, dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang diberikan menurut seksyen 17 Akta dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya syor Perbadanan yang dibuat menurut seksyen 18 Akta, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen itu.

(2) Jika Ketua Pengarah memutuskan untuk memberikan lesen di bawah subperaturan (1), dia hendaklah—

- (a) menghendaki pemegang lesen itu untuk membayar fi lesen yang dinyatakan dalam peraturan 7; dan
 - (b) mengenakan syarat lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan apa-apa syarat lain yang difikirkannya patut.
- (3) Keputusan Ketua Pengarah untuk memberikan lesen atau enggan memberikan lesen hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.
- (4) Notis bertulis oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (3) hendaklah menyatakan—
- (a) dalam hal jika lesen diberikan, hakikat mengenai pemberian sedemikian dan kehendak dan syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (2); dan
 - (b) dalam hal keengganan untuk memberikan lesen, hakikat keengganan sedemikian dan sebab bagi keengganan itu.

Tempoh lesen

5. Tempoh suatu lesen adalah bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak boleh melebihi lima tahun.

Fi pemprosesan

6. (1) Fi pemprosesan bagi suatu permohonan bagi suatu lesen atau pembaharuan suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah seratus ringgit dan tidak boleh dibayar balik.
- (2) Pembayaran fi pemprosesan hendaklah dibuat kepada Perbadanan secara tunai, cek, draf bank atau apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, dan Perbadanan hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi pembayaran sedemikian.